

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED MALAM INI MENGSYORKAN SUPAYA SATU USAHA SERANTAU OLEH ASEAN MENGGUNAKAN SUMBER DAN PENGURUSAN UNTUK MENOLONG NEGARA-NEGARA ANGGOTA MERANCANG PENGGUNAAN SUMBER-SUMBER MEREKA. TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA IA HENDAKLAH DILAKUKAN DALAM KONTEK KERJASAMA SERANTAU.

BERUCAP DIPEMBUKAAN KONVENSYEN ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN ASEAN DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI, BELIAU BERKATA, ASEAN YANG MEMPUNYAI BANYAK BAHAN SUMBER ASLI HENDAKLAH MENGGUNAKAN KEKUATAN INI MELALUI TINDAKAN RANCANGAN SERANTAU KE ARAH KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA.

BELIAU MENEGASKAN KERANA ASEAN MERUPAKAN KUMPULAN YANG MEMPUNYAI EKONOMI VIABLE SERTA DIKEHEN-DAKI MENGADAKAN RANCANGAN UNTUK MEMPERBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT, SUDAH KENA PADA TEMPAT BAGINYA BERUSAHA BERSAMA DALAM MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER BAGI KEGUNAAN SECARA BERKESAN DAN CEKAP.

KATANYA, INI ADALAH PENTING KERANA PERBEZAAN DALAM PENGGUNAAN CORAK SUMBER-SUMBER, WALAUPUN SECARA KECIL-KECILAN ANTARA SEKTOR BANDAR DAN LUARBANDAR DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ASEAN. —BERSAMBUNG 2225/BY

MAHATHIR-SUMBER 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN TENTANG PERLU BAGI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TERUTAMA NEGARA-NEGARA ASEAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA PERLUNYA PERUNTUKKAN SUMBER YANG LEBIH BAIK DALAM SEKTOR EKONOMI MEREKA DAN JUGA PENGKEKALAN SUMBER-SUMBER YANG TIDAK BOLEH DIPERBAHARUI.

DISAMPING ITU, KATANYA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN HENDAKLAH MENGELAKKAN DARI MENGAMAL CARA HIDUP NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG SECARA MEMBAZIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL TERHADAP NEGARA-NEGARA MAJU YANG MENGANGGAP BAHAWA PERSAMAAN ANTARA KEPENDUDUKAN DAN SUMBER-SUMBER ADALAH MASALAH TERLALU RAMAI ORANG DAN CARAMANA HENDAK MENGURANGKAN JUMLAHNYA. 29

KATANYA, MASIH TERDAPAT KECENDORONGAN UNTUK MELIHAT PERSAMAAN KEPENDUDUKAN SUMBER-SUMBER DARI SEGI PERMINTAAN DAN JIKA JUMLAH ORANG YANG BOLEH DIKURANGKAN, PERSAMAAN ITU BOLEH DIIMBANGKAN. — BERSAMBUNG 2244/ZCM

MAHATHIR-SUMBER 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MASIH BERPENDAPAT BAHAWA ISU TERSEBUT TIDAK SAHAJA DIPANDANG DARI SEGI PERMINTAAN TETAPI JUGA DARI SEGI PENAWARAN.

INI HANYA BOLEH DILAKUKAN DENGAN MEMPEROLEHI SATU PERIMBANGAN MELALUI CARA MENAMBAHKAN PENGGUNAAN SUMBER-SUMBER YANG ADA DENGAN CEKAP DAN PRODUKTIF.

BELIAU JUGA MENJELASKAN CARA YANG LAZIM BANTUAN PEMBANGUNAN DIAMALKAN OLEH KEBANYAKAN NEGARA-NEGARA MAJU BERTENTANGAN DENGAN ASPARASI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TERUTAMA KETIKA MEREKA TIDAK MAHU HUBUNGAN YANG BERDASARKAN KEPADA BANTUAN SECARA +AMAL+ DAN TERLALU BERGANTUNG KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU.

KONVENSYEN TIGA HARI ITU BERMULA ESOK DAN 34 ORANG PESERTA DARI LIMA NEGARA ASEAN MENYERTAINYA.

HADHIR SAMA DUUPACARA PEMBUKAAN HARI INI IALAH YANG DIPERTUA DEWAN NEGARA TUN OMAR YOKE ONG, SPEAKER DEWAN RAKYAT TAN SRI SYED NASIR ISMAIL DAN MENTERI-MENTERI KABINET. — BERNAMA 2250/ZCM